



 [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)  [corp.comms@moh.gov.bn](mailto:corp.comms@moh.gov.bn)

**SIARAN AKHBAR**

KEMENTERIAN KESIHATAN

**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI ISNIN**

**22 Syawal 1443 / 23 Mei 2022**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa hari ini, Isnin, 22 Syawal 1443 bersamaan dengan 23 Mei 2022, sebanyak **269 kes baru** telah dilaporkan iaitu 267 kes hasil ujian ART dan 2 kes adalah hasil dari 217 ujian makmal *RT-PCR* yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **146,775 kes**. Statistik harian *COVID-19* yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*) dan **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  
- ii) Sebanyak **271 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **144,943 kes**.
  
- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,610 kes** iaitu 11 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,599 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

iv) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para salehin.. (Al-Fatihah).

2. Oleh kerana semua pusat vaksinasi tidak beroperasi semalam, statistik terkini program vaksinasi kekal seperti yang dinyatakan di

dalam Sidang Media semalam iaitu 78.2% kanak-kanak di dalam kumpulan umur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos pertama vaksinasi COVID-19 dan 36.0% juga telah mendapatkan dos kedua. Sementara itu, 69.5% rakyat dan penduduk negara ini telah menerima tiga dos vaksin.

3. Marilah kita memohon kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dipelihara dan dilindungi dari segala mara bahaya, semoga semua rakyat dan penduduknya diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan dan dijauhkan dari segala penyakit khususnya penyakit COVID-19. Aamiin Aamiin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Syawal 1443 / 23 Mei 2022